

# Skim pencen baharu tidak rugikan penjawat awam: PM

BH- 23/10/2019 m/s 2

Mekanisme kurangkan beban kewangan kerajaan, hanya babit pekerja baharu

Oleh Mohd Azrone Sarabatin dan Ahmad Suhael Adnan  
bhnews@bh.com.my


**Kuala Lumpur:** Mekanisme baharu skim pencen akan mengurangkan bebanan kewangan kerajaan, tetapi pada masa sama tidak merugikan penjawat awam selepas menamatkan perkhidmatan.

Memberikan jaminannya, Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad, berkata skim baharu itu tidak membabitkan kakitangan sedia ada yang akan terus menerima faedah pencen seperti biasa jika beralih kepada skim baharu.

Penjawat awam sedia ada akan kekal dengan perjanjian mereka tandatangan dan skim baharu hanya membabitkan pekerja baharu.

Faedah persaraan yang dinikmati penjawat awam adalah dilindungi seperti ditetapkan di bawah Perkara 147 Perlembagaan Persekutuan iaitu Perlindungan Hak-Hak Pencen dan dikawal selia melalui Akta Pencen 1980 (Akta 227) serta Akta Pencen Pihak-Pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan 1980 (Akta 239).

“Pemberian faedah persaraan



*Dr Mahathir ketika menjawab soalan pada sidang Dewan Rakyat di Bangunan Parlimen, semalam.*

(Foto Mohd Safwan Mansor /BH)

kepada pesara kerajaan merupakan penghargaan dan pengiktirafan atas sumbangan serta jasa penjawat awam sepanjang perkhidmatan mereka.

“Kita tak boleh abaikan perjanjian dengan pekerja. Mereka yang bekerja mengikut dasar lama akan kekal dengan dasar berkenaan,” katanya menjawab soalan tambahan Khairy Jamaluddin (BN-Rembau) pada Sesi Pertanyaan Menteri di Dewan Rakyat, semalam.

Khairy meminta jaminan kerajaan terhadap pekerja semasa

**“Kita tak boleh abaikan perjanjian dengan pekerja. Mereka yang bekerja mengikut dasar lama akan kekal dengan dasar berkenaan.”**

**Dr Mahathir Mohamad,**  
Perdana Menteri

khususnya membabitkan ganjaran terbitan, pencen dan perubahan jika dasar baharu dilaksanakan.

Kepada soalan tambahan Dr Azman Ismail (PH-Kuala Kedah) berhubung kebajikan pesara badan berkanun yang diswastakan seperti Lembaga Padi Negara (LPN) yang kini semakin berusia dan tidak lagi mampu bekerja untuk menyara hidup dan bayaran perubatan, Dr Mahathir berkata, kerajaan prihatin terhadap kebajikan mereka.

Katanya, kerajaan sememang-

nya ingin memberikan seberapa banyak bantuan kebajikan, tetapi keupayaan kewangan terhad, selain faktor kos rawatan perubahan yang semakin meningkat, terutama membabitkan pembedahan.

Terdahulu ketika menjawab soalan asal Datuk Seri Dr Ismail Mohamed Said (BN-Kuala Krau) berhubung cadangan Skim Lantikan Kontrak yang ditambah baik dan saranan agar kerajaan jangan membuang ‘tongkat’ (bantuan) yang diberikan kepada pekerja Melayu, Perdana Menteri berkata, orang Melayu perlu ingat bahawa kerajaan tidak mampu memberikan pekerjaan kepada semua.

Dr Mahathir menjelaskan kerajaan sememangnya berhasrat melanjutkan Skim Lantikan Tetap dan Berpencen, bagaimanapun kutipan cukai yang diperoleh negara tidak mencukupi bagi membiayai kos persaraan yang semakin tinggi.

Pada masa sama, kerajaan juga menyedari masalah pengangguran yang meningkat dalam kalangan siswazah berikutan dengan langkah kerajaan melanjutkan usia persaraan kepada 60 tahun sebelum ini.

“Memang benar disebabkan usia persaraan dilanjutkan ia bermakna kekosongan berkurangan dan kita tidak dapat mengambil pekerja baharu dalam kerajaan, dengan sendirinya kita lihat pengangguran bertambah.

“Tetapi kita ingin lihat penganggur ini bekerja, sama ada dalam sektor swasta atau membuka perusahaan untuk membiayai kehidupan mereka,” katanya.